

PERCUMA

Buletin Mutiara

珍珠快讯 · முத்துச் செய்திகள் · Berita Rakyat Pulau Pinang · Keluaran Mei 2011



Buletin Mutiara
Mengucapkan
Selamat
Menyambut
Hari Pekerja &
Hari Wesak
Kepada Seluruh
Warga
Pulau Pinang

RM100,000 ELAUN TAMBAHAN SETIAP TAHUN GURU KAFA BERSYUKUR DIHARGAI



SITI Rohani Md. Noor membentulkan bacaan tajwid pelajar di Pusat KAFA Al-Mashoor, Batu Uban.

OLEH : AINUL WARDAH SOHILLI
GAMBAR : KHAIROL IKRAM SALAMAT

GEORGE TOWN : Kelas Al-Quran dan Fardhu 'Ain atau lebih dikenali sebagai KAFA bukanlah sesuatu yang baharu dalam masyarakat kita. Dewasa ini, signifikan KAFA dilihat dari perspektif yang berbeza. Jika dahulu, KAFA merupakan kelas untuk mempelajari atau mendalami ilmu diniyyah tapi kini KAFA menjadi kelas tambahan untuk memenuhi masa lapang.

Penubuhan KAFA di Pulau Pinang telah bermula sejak tahun 1990 lagi dan kini terdapat lebih daripada 285 buah pusat pendidikan KAFA. KAFA adalah bagi murid-murid Tahun Satu hingga Tahun Enam.

KAFA terbahagi kepada dua sesi, iaitu sesi pagi antara jam 8.00 - 11.00 pagi dan sesi petang antara jam 3.00 - 6.00 petang. Kini KAFA mempunyai pengkhususan kurikulum dan garis panduan yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan berada di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwah Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

Sayugia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di bawah pimpinan Pakatan Rakyat (PR), memberi sepenuh perhatian terhadap keberkesanan dan pelaksanaannya. Di bawah dasar PR, sejumlah RM100,000 elaun tambahan telah diperuntukkan khas untuk guru-guru KAFA. Bukan itu sahaja, malah, PR juga turut memberi hadiah dan penghargaan kepada guru-guru KAFA antara RM100 ke RM250 setiap kali sambutan Maal Hijrah, Awal Muharram dan Hari Raya Aidilfitri.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di bawah pimpinan Pakatan Rakyat (PR), memberi sepenuh perhatian terhadap keberkesanan dan pelaksanaan KAFA di Pulau Pinang. PR juga turut memberi hadiah dan penghargaan kepada guru-guru KAFA antara RM100 ke RM250 setiap kali sambutan Maal Hijrah, Awal Muharram dan Hari Raya Aidilfitri."



PELAJAR - pelajar Sekolah Agama Rakyat Taman Tun Sardon ceria mengikuti pembelajaran.

Maal Hijrah, Awal Muharram dan Hari Raya Aidilfitri. Sumbangan wang ringgit ini merupakan inisiatif dan insentif Kerajaan PR untuk melestarikan pendidikan agama Islam di Pulau Pinang.

Menurut Siti Rohani Md. Noor, salah seorang guru KAFA di Pusat KAFA Al-Mashoor, Batu Uban, beliau bersyukur kerana Kerajaan PR sangat mengambil berat akan kebajikan guru-guru KAFA.

"Alhamdulillah, saya bersyukur setakat yang ada.

Sambung Mukasurat 2

Menarik Di Dalam

PP Negeri WiFi Pertama Negara...
ms. 4

BEST Diterima Baik... ms. 6

Cuti Bersalin 90 Hari... ms. 18

Wawancara : S/U Kerajaan
Negeri... ms. 20

Versi Bahasa Inggeris
ms. 11 & 14

New & Opening Buletin Mutiara Berita Rakyat Pulau Pinang | 11
THE RISE OF WOMEN, SOLIDIFYING CHANGE

The rise of women, solidifying change. This month's issue of Buletin Mutiara features a special focus on women's empowerment and the role of women in society. From the International Women's Day celebration to the launch of the new edition, we highlight the achievements and challenges faced by women in various fields. We also feature stories on education, health, and community involvement. Don't miss out on this exciting issue!

Versi Bahasa Cina
ms. 9 & 16

840万建750热点 全境2012享无线上网

840万建750热点 全境2012享无线上网。This month's issue of Buletin Mutiara features a special focus on the government's efforts to improve connectivity in rural areas. We highlight the achievements of the Rural Broadband Project and the impact it has had on the lives of rural communities. We also feature stories on education, health, and community involvement. Don't miss out on this exciting issue!

Versi Bahasa Tamil
ms. 10 & 15

10 联邦政府拨款100万令吉 帮助发展偏远地区

10 联邦政府拨款100万令吉 帮助发展偏远地区。This month's issue of Buletin Mutiara features a special focus on the government's efforts to improve connectivity in rural areas. We highlight the achievements of the Rural Broadband Project and the impact it has had on the lives of rural communities. We also feature stories on education, health, and community involvement. Don't miss out on this exciting issue!

Dari Mukasurat 1



DUA pelajar KAFA khusyuk membaca Al-Quran di Pusat KAFA Al-Mashoor, Batu Uban di sini.

Elaun pun alhamdulillah," ucap beliau. Pusat KAFA Al-Mashoor, Batu Uban terletak berdekatan Masjid Batu Uban dan murid-muridnya adalah di kalangan penduduk setempat.



MOHD. ZAIN.

"Ada di kalangan mereka yang datang daripada keluarga orang susah. Jadi kita terima mereka, kita tidak kenakan sebarang yuran kepada mereka. Sebaliknya kita adakan kutipan dana untuk menampung kekurangan," ujar Siti Rohani.

Tegas beliau, semangat anak-anak kecil lebih menjadi keutamaan dari membebani keluarga mereka dengan pembayaran yuran. Walaupun yuran yang dikenakan sangat rendah antara RM10 hingga RM15 sebulan, tetapi masih ada segelintir yang tidak mampu untuk membayarnya.

"Di sini, kita memberi penekanan dalam pelbagai aspek termasuk fiqhah, akhlak, aqidah, ibadah, tajwid malah bagi sesi petang, kita wajibkan amali solat, yakni solat asar berjemaah sebelum balik," tambah

beliau lagi.

Beliau yang sudah fasih dengan tingkah laku murid-muridnya sangat bersyukur kerana dalam kesempitan dan kekurangan fasiliti di premis tersebut, sumbangan ikhlas orang ramai tidak pernah putus dan beliau berharap agar lebih ramai tampil memberi sumbangan bagi perkembangan pusat KAFA tersebut.

Bagi Mohd. Zain, Setiausaha Jemaah Pentadbir Sekolah Agama Rakyat Taman Tun Sardon (SARTTS), murid-murid yang mendaftar diri di SARTTS bukan sahaja daripada kalangan warga tempatan malah terdapat juga warga asing terutamanya dari Indonesia mendaftarkan anak-anak mereka untuk mempelajari dan mengikuti kelas KAFA ini.

"Kawasan di sini unik, dari 400 murid ada yang Melayu kita, ada yang warga luar. Kami terima kerana pengajian agama ini tidak terhad. Sesiapa yang nak belajar agama kita kena terima," ujar beliau memulakan bicara.

Menurut Mohd. Zain, cabaran terbesar adalah untuk menarik perhatian budak-budak nakal untuk menghadiri kelas KAFA. Hal ini, menurut beliau, terdapat juga di kalangan murid-murid SARTTS yang nakal, tetapi mereka masih lagi dapat dibentuk dan dikawal.

"Budak-budak zaman sekarang ni, kita tak tahu apa yang dia belajar di sekolah, jadi kita di sini cuba nak bentuk sahsiah mereka, cuba nak tarik minat mereka serta kelas KAFA selepas waktu sekolah," ujar beliau.

SARTTS mempunyai sistem pendaftaran berintegriti dan sistematik. Pendaftaran dibuka seawal bulan Oktober setiap tahun. SARTTS mempunyai 12 tenaga pengajar dan ada di kalangan guru KAFA tersebut yang telah bertugas selama lebih 15 tahun.

"Kita mohonlah ibu bapa ni supaya datang dan mendaftar anak-anak mereka yang berusia 7 hingga 12 tahun untuk mengikuti kelas

KERAJAAN PR PRIHATIN NASIB PENUNTUT

GEORGE TOWN : Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang amat prihatin dan mengambil berat akan nasib yang menimpa

penuntut kelahiran Negeri Pulau Pinang yang menuntut di Mesir. Krisis yang berlaku di Mesir telah memaksa Kerajaan Persekutuan untuk membawa pulang penuntut Malaysia.

Keprihatinan dan kewibawaan Kerajaan Negeri terserlah apabila tampil mendahului memberi bantuan kewangan bagi membantu penuntut kelahiran Pulau Pinang menyambung semula pengajian yang tergendala akibat krisis

yang melanda negara Timur Tengah itu.

Sebanyak RM318,000 telah diperuntukkan untuk membayai tambang penerbangan kepada 318 penuntut. Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi imbuhan sebanyak RM2,000 kepada setiap penuntut yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), iaitu RM1,000 melalui dana Kerajaan Negeri dan RM1,000 lagi dari pihak Majlis Agama Islam.

INISIATIF HALAL MENGORAK MAJU

GEORGE TOWN : Pulau Pinang sekali lagi membuktikan bahawa hasil urustadbir CAT tidak pernah meminggirkan mana-mana prospek termasuklah inisiatif halal yang kini semakin ligat dilaksanakan dan mula mendapat tempat di kalangan masyarakat, bukan sahaja di Malaysia malah di persada dunia.

Mengimbas kembali tsunami kebangkitan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang pada Mac 2008, Kerajaan PR telah menubuhkan PIHH Development Sdn. Bhd. atau dikenali sebagai Halal Penang pada April 2009 sebagai langkah memperkasakan industri halal bukan sahaja di Pulau Pinang malah di persada dunia.

Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC) 2011 yang lalu merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempergiat industri halal di mata dunia malah penglibatan negara-negara luar seperti Republik Rusia, Iran, Pakistan, Thailand, Indonesia, Kyrgyzstan dan Korea cukup membuktikan kemampuan bahawa industri halal mampu berkembang dan menjana pendapatan yang lumayan. Turut dianggarkan sejumlah USD\$ 3.1 trillion hasil halal dunia diperoleh melalui industri ini pada tahun lalu.

Tahun 2011, pengiktirafan status HALMAS kepada Penang Halal Industries Park di Bukit Minyak, oleh Halal Development Corporation (HDC) sekali lagi menambah kerancakan perkembangan inisiatif halal di Pulau Pinang.

KAFA. Datang awal. Pengajian KAFA ini bukan kelas tambahan tapi lebih kepada tempat pengajian menambah ilmu," ujar beliau.

Murid-murid yang telah tamat pengajian KAFA akan diberi sijil oleh pihak sekolah, manakala bagi murid-murid tahun 6, mereka akan menerima sijil tamat pengajian daripada pihak JAKIM dan JAIPP.

"Alhamdulillah, sekarang ini sudah banyak perubahan. Elaun guru KAFA pun sudah naik jadi RM800. Kami di SARTTS ada bagi sedikit imbuhan bagi menampung keperluan guru KAFA kita. Sekarang ini semua orang gaji sudah RM1,000, jadi kita cuba bagi selagi termampu. Kerajaan pun bagus, bagi sumbangan setiap tahun. Guru-guru pun seronok," ujar beliau.

Rata-rata guru KAFA menzahirkan rasa syukur dengan kenaikan elaan tersebut. Malah mereka merasakan bahawa sokongan kerajaan terutamanya Kerajaan Negeri sangat dihargai.

Dalam ucapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap agar tragedi di Mesir dijadikan azimat dan pemangkin untuk meneruskan pengajian dan lebih bersemangat juang dalam menzahirkan prinsip amar makruf nahi mungkar dan berintergriti dalam hidup. Selain itu, beliau juga berharap agar prinsip CAT iaitu Cekap, Akauntabel, Telus yang diamalkan oleh Kerajaan PR dijadikan tunjang dalam setiap urusan.

TIADA NUKLEAR P.PINANG SELAMAT

GEORGE TOWN : Rakyat Pulau Pinang boleh tidur, makan, kerja dan main dengan selamat ekoran pendirian tegas Kerajaan Negeri untuk tidak membenarkan pembinaan loji nuklear di sini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa beliau amat terkilan dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pembinaan loji nuklear berdasarkan situasi dihadapi negara Jepun kini.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta supaya cadangan pembinaan loji dibatalkan demi keselamatan, kesihatan dan kebaikan rakyat Malaysia."

"Negara Jepun mempunyai tahap kawalan yang begitu rapi, namun, bahan radioaktif masih dapat dilepaskan. Inikan pula Malaysia. Rakyat tidak mempunyai keyakinan terhadap jaminan tahap kawalan yang bakal diperlakukan kelak."

"Justeru, jangan main-main dengan keselamatan dan kesihatan rakyat kerana bukan kita (dewasa) sahaja bakal menerima impaknya tetapi juga anak-anak kita termasuk yang berada di dalam kandungan," katanya pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng merayu supaya Kerajaan Persekutuan membatalkan hasrat berkenaan demi kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap dengan pendirian untuk tidak membenarkan pelaksanaan sebarang inisiatif ataupun projek berkait dengan radioaktif dijalankan di sini. Sekiranya perlu, kita (Kerajaan Negeri) akan tulis surat kepada Kerajaan Persekutuan."

"Bagaimanapun, sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang maklumat berhubung pelaksanaannya di negeri ini. Namun, negeri-negeri lain di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) adalah berada pada tahap bahaya," ujar beliau.

INDEKS JENAYAH PP MENURUN

GEORGE TOWN: Kadar indeks jenayah di negeri Pulau Pinang terus menunjukkan petanda baik dengan penurunan sebanyak 32.0% bagi tempoh dua bulan pertama tahun 2011 berbanding tahun lalu bagi yang sama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan bahawa kadar indeks jenayah di Pulau Pinang menurun adalah hasil usaha semua pihak menentang jenayah termasuk

KAKITANGAN AWAM PERLU RAJIN BERTANYA, TANAM SIKAP KERJA BERPASUKAN

GEORGE TOWN : Sikap rajin bertanya, etika kerja positif dan penanaman semangat berpasukan dalam kalangan penjawat awam merupakan intipati penting dalam menrealisasikan misi Kerajaan Negeri untuk muncul sebagai negeri bertaraf antarabangsa pertama di dalam tempoh terdekat.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, di dalam tempoh tiga tahun di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat (PR), Pulau Pinang telah berjaya muncul sebagai negeri yang memimpin pada aspek pelaburan, pemuliharaan alam sekitar, kebajikan dan sosial.

"Pada tahun 2010, Pulau Pinang mencatat sejarah tersendiri apabila mencatatkan

jumlah pelaburan tertinggi bernilai RM12,238 juta. Berasaskan pencapaian tersebut, Kerajaan Negeri amat serius untuk menjadikan perkhidmatan awam negeri ini bertaraf antarabangsa dengan penekanan tiga amalan penting yang perlu diperlakukan oleh penjawat-penjawat awam.

"Amalan tersebut adalah, sistem yang betul, etika serta sikap kerja mesti positif dan semangat berpasukan," katanya pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam di sini baru-baru ini.

Bersempena dengan majlis tersebut, turut diadakan adalah upacara angkat sumpah rahsia Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru, Datuk Farizan Darus menggantikan Datuk Zainal Rahim Seman dan Pegawai

Kewangan Negeri, Mokhtar Mohd. Jait.

Selain itu, Guan Eng turut memberitahu bahawa seseorang penjawat awam juga perlu bersedia untuk belajar dan mendengar pendapat serta idea-idea orang lain bagi menambah pengetahuan sedia ada.

"Jangan takut untuk tunjukkan yang kita tidak tahu. Sekiranya tidak tahu akui tidak tahu dan belajar bagi membolehkan kejayaan dikecapi bersama. Jangan pula, tidak tahu dan buat tahu sehingga memudaratkan semua," tegas beliau sambil menambah bahawa sebuah kerajaan yang baik adalah sebuah kerajaan yang mendengar suara rakyat sebagaimana diperlakukan oleh PR kini.

SEKITAR MAJLIS ANGKAT SUMPAH PUCUK PIMPINAN KERAJAAN NEGERI

"Jangan sesekali berpuas hati dengan apa yang telah kita capai, perubahan untuk penambahbaikan perlu diteruskan bersama."

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus

"MPSP, Menuju Kearah Perbandaran Bertaraf



BEKAS Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Rahim Seman (bersongkok) bersalaman dengan Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kanan) sambil diperhatikan oleh Yang diPertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail (kanan sekali) pada majlis perpisahan beliau baru-baru ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif mengangkat sumpah rahsia sebagai Yang diPertua MPSP di sini baru-baru ini.

Antarabangsa, Pintar, Sejahtera dan Mapan. Bersama Kita Boleh Merealisasikannya."

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Maimunah Mohd. Sharif

"Saya akan bekerja keras untuk mengekalkan standard yang telah dicapai oleh WHI kini.



FARIZAN Darus (barisan depan, kiri sekali) menyerahkan nota tugas kepada Mokhtar Mohd. Jait (kanan sekali) sambil diperhatikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (tengah).

Pada masa sama, usahasama dengan agensi-agensi antarabangsa akan diteruskan dalam mempromosikan kekayaan budaya dan warisan negeri Pulau Pinang."

Pemangku Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (WHI), Lim Chooi Ping



MOKHTAR Mohd. Jait (kanan sekali) menyerahkan nota tugas kepada Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali) sambil diperhatikan Ketua Menteri Pulau Pinang.



FARIZAN Darus (duduk) menandatangani surat pelantikan beliau pada Majlis Perhimpunan Perkhidmatan Awam baru-baru ini.



LIM Chooi Ping (kiri sekali) menerima nota tugas daripada Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) sambil diperhatikan Ketua Menteri Pulau Pinang.

tempoh

usaha pihak Polis Di-raja Malaysia (PDRM) yang mengadakan pemantauan berterusan di kawasan-kawasan yang disenaraikan sebagai kawasan tumpuan jenayah.

"Kita (Kerajaan Negeri) mengharapkan agar tahun 2011 ini akan ada lebih penurunan. Kita mahu Pulau Pinang lebih bersih, hijau dan

selamat," ulas beliau.

Menurut statistik, jumlah pengurangan ialah sebanyak 32.0% yang merangkumi penurunan sebanyak 32.4% ke atas jenayah harta benda dan 28.3% ke atas jenayah kekerasan. Tahun lalu, kadar indeks jenayah menurun sebanyak 27.1%.

PULAU PINANG PRIHATIN



H.E. Mr. Tetsuro Kai (dua dari kanan) menyatakan sesuatu kepada Lim Guan Eng (tiga dari kiri) sambil diperhatikan oleh Law Choo Kiang (dua dari kiri), Law Heng Kiang (kiri sekali) dan Ng Wei Aik (kanan sekali) bersempena lawatan beliau ke pejabat Konsul-Jeneral Jepun di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN: Malaysia telah digemparkan dengan berita gempa bumi sehingga berlaku Tsunami yang melanda Jepun baru-baru ini.

Bencana tersebut merupakan salah satu bencana terbesar dalam sejarah tamadun manusia sekalipun tidak mengorbankan sebegitu banyak nyawa seperti Tsunami 2004 di Aceh, Indonesia.

Sehubungan dengan tragedi itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang dan Setiausaha Politik beliau, Ng Wei Aik telah melawat Konsul-Jeneral Jepun, H.E. Mr. Tetsuro Kai di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Ketika perjumpaan itu, Ketua Menteri menyampaikan ucapan takziah dan simpati terhadap mangsa-mangsa gempa bumi dan Tsunami yang melanda negara matahari terbit itu. "Kami juga ingin menyampaikan segala doa kami terhadap mereka. Sekiranya kami boleh hulurkan apa-apa pertolongan, kami sanggup tolong. Kami dapat merasa keperitan yang dialami oleh mereka dan ingin berkongsi kesakitan mereka. Ini bukan setakat dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi juga dari semua warga Pulau Pinang", kata Ketua Menteri.

Katanya lagi, beliau berdoa, berharap dan percaya rakyat Jepun akan pulih kembali dengan segera berdasarkan kemahiran dan daya tahan serta kesediaan mereka menangani masalah ini.

Dalam pada itu, Tetsuro amat menghargai kedatangan Ketua Menteri ke pejabat beliau dan berterima kasih kepada warga Pulau Pinang atas keprihatinan mereka.

Sebagai satu langkah untuk menolong warga Jepun yang tinggal di Pulau Pinang, pejabat Konsul-Jeneral telah memberi pautan laman web kepada mereka sekiranya mereka ingin menyemak keadaan di Jepun.

WAJAH BARU BUKIT BENDERA BAKAL MENJADI TUMPUAN

GEORGE TOWN: Koc baru Bukit Bendera buatan Switzerland bakal beroperasi tidak lama lagi selepas ia ditutup semenjak Februari tahun lalu untuk proses penambahaikan perkhidmatan keret api yang telah berusia 87 tahun.



TUN Abdul Rahman Abbas (empat dari kiri) bersama isteri memotong reben bersama Ng Yen Yen (tengah) dan Lim Guan Eng (berbaju hijau) pada Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Keretapi Bukit Bendera kepada PHC di sini baru-baru ini.

Penyerahan perkhidmatan koc baru tersebut dilakukan sendiri oleh Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen dalam sebuah Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Keretapi Bukit Bendera kepada Perbadanan Bukit Bendera (PHC) yang turut disaksikan Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff serta Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.


Melalui penambahaikan yang dilakukan terhadap sistem pengangkutan ini, koc baru berhawa dingin ini mampu membawa 100 penumpang pada setiap waktu. Ia akan membuat perjalanan tanpa henti dari kaki Bukit Bendera ke stesennya di puncak bukit peranginan itu kurang dari lapan minit, berbeza dengan sistem lama yang memerlukan penumpang menukar koc pada pertengahan perjalanan serta mengambil masa 25 minit.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri akan mengadakan sebuah majlis khas sempena pembukaannya kepada umum pada suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

"Bukit Bendera merupakan ikon pelancongan negeri yang amat berharga kerana menyimpan pelbagai khazanah hidupan flora dan fauna di samping menikmati permandangan indah dari puncaknya", kata beliau.

Guan Eng bagi pihak Kerajaan Negeri merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana mengadakan upacara penyerahan ini kepada pihak PHC iaitu sebuah badan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Rata-rata pengunjung yang hadir hari ini tidak sabar untuk menyusuri koc baru Bukit Bendera yang telah menelan belanja sebanyak RM73 juta apabila ia dibuka kepada umum kelak.



Seorang penjawat awam, Shakirah Md. Din, 40, sangat berbangga kerana koc seumpama ini hanya terdapat di Bukit Bendera, Pulau Pinang, negeri tumpah darah dirinya.

"Sebelum ini saya sering menasihatkan kawan-kawan yang ingin berkunjung ke Bukit Bendera untuk tebalkan tahap kesabaran kerana terpaksa beratur panjang dan berhimpit dalam keadaan gerabak yang panas untuk naik ke puncak. Kini, pembaharuan Bukit Bendera diharapkan dapat membawa pengunjungnya dengan lebih efisien dan selesa ke puncak", katanya kepada Buletin Mutiara.

T. Devarajan, 56, seorang peniaga di Bukit Bendera menyatakan kegembiraan beliau kerana destinasi pelancongan ini akan meningkatkan jumlah pelancong ke Pulau Pinang.

T. Devarajan "Hanya di Bukit Bendera terdapat koc mendaki yang pantas dan ini dianggap 'tuah' kepada seluruh rakyat Pulau Pinang".

Jaslinna Mohd. Yusoff, 26, Eksekutif syarikat pengangkutan awam mengharapkan harga tambang bukit bendera tidak akan membebankan pengunjung kerana kebanyakan yang hadir adalah berkeluarga.

"Mungkin pihak PHC dapat menyediakan pakej harga bagi mereka yang datang berkeluarga di samping terus membangunkan kemudahan dan mengindahkan kawasan puncak Bukit Bendera", jelasnya.

Phoon Kok Cheong, 53, seorang ahli perniagaan menyifatkan ini sebagai batu loncatan meningkatkan pelaburan dalam negeri.

"Pelancongan adalah sumber pendapatan yang amat berpotensi tambahan pula Pulau Pinang merupakan kawasan warisan UNESCO yang pastinya menjadi tumpuan dunia", kata beliau yang juga berasal dari Air Itam.

Beliau berharap Kerajaan Negeri dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih bermutu dan lebih mesra pelancong selepas projek itu diserahkan kepada Perbadanan Bukit Bendera yang diwakili Pengarahnya, Datuk Lee Kah Choon.

PULAU PINANG NEGERI WiFi PERTAMA NEGARA



PENGARAH Urusan Redtone Telecommunications Sdn. Bhd., Wei Chuan Beng (kiri sekali) bertukar dokumen MoU dengan Jeff Ooi (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Lim Guan Eng (dua dari kiri), Datuk Rosli Jaafar (tengah) dan Mokhtar Mohd. Jait (kanan sekali)

GEORGE TOWN: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif selaras dengan moto 'Pakatan Rakyat untuk semua, WiFi untuk semua' dengan menyediakan tambahan 750 wifi 'hotspots' percuma bagi fasa kedua meliputi kawasan di sekitar Pulau Pinang.

Bagi fasa pertama, Redtone Telecommunications Sdn. Bhd.

(Redtone) merupakan syarikat yang bertanggungjawab memasang dan menyelenggarakan kesemua 'hotspots' wifi percuma kepada rakyat Pulau Pinang yang telah dilancarkan pada 2009 dan kos penyelenggaraan ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat.

Redtone merupakan syarikat yang mempunyai kepakaran, sumber dan penyelesaian

dalam perniagaan jalur lebar tersebut juga berpengalaman bekerjasama dengan pelbagai saiz dan sektor perniagaan selama lebih dari 10 tahun.

Kesemua pemasangan fasa kedua wifi percuma ini dijangka siap pada April 2012, di mana liputan wifi digandakan menjadi 1,500 'hotspots' yang menelan belanja sebanyak RM8.5 juta dalam masa lima tahun yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika menghadiri majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara PDC Telco dan Redtone pada 26 Mac yang lalu. Turut hadir adalah Pengarah Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Pegawai Kewangan Negeri, Mokhtar Mohd. Jait dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi.

Kini rakyat Pulau Pinang dapat menikmati kemudahan ini dan menjadi warga pintar IT.

EKSPO INDUSTRI INTRENASIONALE KE-12 JANA RM60 JUTA



LIM Guan Eng mendengar penjelasan yang disampaikan oleh salah seorang peserta ekspo di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN: Pengajianan Ekspo Industri Intrenasionale atau 'Intrenasionale Industrial Expo' yang ke-12 di Penang International



LIM Guan Eng (kanan sekali) mencuba prototaip motosikal masa depan keluaran syarikat tempatan di Ekspo Industri Intrenasionale di sini.

Sports Arena (PISA) baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan apabila ia mampu menjanjakan pendapatan sebanyak RM60 juta ke RM70 juta berbanding ekspo tahun lalu sebanyak RM50 juta. Dengan penyertaan 140 buah syarikat, iaitu peningkatan sebanyak 20% daripada tahun lalu, ekspos seumpama ini dilihat sebagai

satu platform industri yang paling unggul.

Ketua Pegawai Eksekutif Intrenasionale, Andrew Chan berkata bahawa beliau menjangkakan pertambahan perdagangan dan perniagaan meningkat dari tahun ke tahun dengan peningkatan penyertaan syarikat-syarikat ternama dalam ekspos yang dijalankan selama tiga hari tersebut.

"Sebanyak 70% daripada 140 syarikat yang mengambil bahagian, memamerkan produk yang bertaraf antarabangsa umpamanya mesin cetak laser, kawalan berangka berkomputer, mesin alatan logam dan produk yang menggunakan teknologi terkini iaitu teknologi hijau yang mesra alam dan mesra pengguna," ujar beliau.

"Kami turut menjangkakan pertambahan sehingga 10% - 20% penyertaan tahun hadapan," tambah beliau dalam ucapan pembukaan. Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Intrenasionale merupakan salah sebuah syarikat yang telah lama bertapak di Pulau Pinang dan bergiat aktif dalam pengajianan acara-acara keusahawanan dan perniagaan di peringkat antarabangsa dengan penglibatan pasaran Indonesia dan Thailand (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle – IMT-GT Market). Dengan kreadibiliti selama dua dekad dalam pengurusan acara, ekspos yang dijadikan acara tahunan ini pastinya menjadi kayu pengukur terhadap pengukuhan sistem ekonomi negeri Pulau Pinang khususnya.

PULAU PINANG PILIHAN ST.JUDE MEDICAL

BAYAN LEPAS : St. Jude Medical (M) Sdn. Bhd. merupakan salah satu pengeluar peranti perubatan kardiovaskular ternama di dunia dengan nilai pelaburan sebanyak USD\$65 juta atau RM165 juta ke atas fasiliti pembuatan terbaru syarikat berkenaan di Zon Kawasan Perindustrian Bebas Bayan Lepas, yang dilancarkan oleh Ketua Menteri, di sini, baru-baru ini.

Pembukaan fasiliti St. Jude Medical bukan sahaja mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan pelaburan Pulau Pinang malah turut membuka peluang pekerjaan kepada warga Pulau Pinang. Terkini, St. Jude Medical mempunyai 150 tenaga kerja dan akan menawarkan lebih daripada 100 peluang pekerjaan sepanjang tahun 2011 ini.

Selain itu, St. Jude Medical turut bercadang untuk melabur sejumlah USD\$300 juta atau RM900 juta bagi tujuan infrastruktur, saham modal dan penyediaan peluang pekerjaan untuk tempoh lima tahun mendatang. Kewujudan Pusat Latihan Pakar Perubatan St. Jude bukan sahaja dibina untuk melatih tenaga profesional malah turut menyediakan tenaga kerja yang mahir dan berintegriti dalam pelaksanaan teknologi perubatan terkini.

Dalam majlis perasmian tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng turut menekankan tujuh kriteria penting kejayaan iaitu urustadbir yang baik, kewujudan tenaga kerja mahir, kewujudan bandaraya yang membolehkan perkembangan kreativiti dan inovasi, perlindungan harta intelek, kewujudan hub logistik yang unggul, pengurusan rantaian bekalan yang kompeten dan kewujudan kreativiti dan inovasi dalam sains dan teknologi.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif St. Jude Medical, Daniel Starks dan Pengarah Urusan St. Jude Medical, Torbjorn Anderson.

Untuk sebarang maklumat lanjut sila layari <http://www.sjm.com>



DANIEL Starks (tiga dari kanan) menyampaikan plak penghargaan kepada Lim Guan Eng (dua dari kiri) pada majlis perasmian St. Jude Medical (M) Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

PELUANG PASARAN BARU DAN PELABURAN



LIM Guan Eng (tiga dari kanan) menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Vincent Piket sambil diperhatikan oleh Mansor Othman (dua dari kanan) dan Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN: Duta Kesatuan Eropah (EU) yang juga Ketua Delegasi ke Malaysia, Vincent Piket, mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Ketua Menteri pada 10 Mac yang lalu. Kehadiran beliau dan para delegasi disambut oleh Ketua Menteri sendiri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan diiringi oleh Timbalan beliau, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri I dan Prof. Dr. P. Ramasamy,

Timbalan Ketua Menteri II.

Lawatan EU tersebut dilihat sebagai satu inisiatif untuk merapatkan lagi hubungan dua hala antara EU dan Malaysia amnya. Selain itu, lawatan tersebut juga untuk merapatkan hubungan perdagangan dan persefahaman EU dengan rakan perdagangan di rantau Asia Tenggara, memandangkan Malaysia merupakan rakan perdagangan kedua

terbesar EU selepas Singapura.

Satu perjanjian persefahaman (MoU) antara Malaysia dan EU, 'Malaysia-European Union Free Trade Agreement' (FTA) akan ditandatangani kelak bagi penyelaras tarif perdagangan dan membuka ruang kepada perkhidmatan yang lebih baik antara Malaysia dan EU dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organization- WTO).

Perjanjian FTA tersebut akan memberi peluang kepada EU untuk memulakan pasaran baru di Pulau Pinang dan sekaligus menjadi rakan pelaburan Pulau Pinang pada masa depan.

PP JAGUH PELABURAN DIRAIKAN KONSERT PERCUMA NING BAIZURA



LIM Guan Eng berjabat tangan sebelum menyampaikan jambangan bunga kepada Ning Baizura baru-baru ini.

BAYAN BARU : Kejayaan Pulau Pinang sebagai jaguh pelaburan Malaysia telah diraikan bersama rakyat dengan sebuah penampilan khas oleh artis bersuara soprano, Ning Baizura pada 12 Mac lalu bertempat di Penang International Sports Arena (PISA) di sini.

Konsert percuma yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri ini merupakan sebuah hadiah tanda penghargaan kepada seluruh warga negeri yang turut memainkan peranan serta menyumbang kepada kejayaan ini.

Warga Pulau Mutiara sememangnya patut diraiakan kerana telah bersama memacu kejayaan sehingga telah tersenarai sebagai negeri yang paling banyak menyumbang dalam pelaburan di Malaysia.

Buat pertama kalinya pada tahun 2010, Pulau Pinang mendapat tempat pertama di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12,238 juta berbanding dengan RM2,165 juta pada tahun 2009.

Peningkatan sebanyak lima kali ganda ini adalah jumlah yang paling besar dalam sejarah negeri sekali gus mewujudkan 21,600 peluang pekerjaan.

Ning mendendangkan sebuah lagu di awal kemunculannya dalam dunia hiburan yang sekaligus telah mengangkat namanya di persada seni tanah air bertajuk 'Curiga' pada permulaan persembahan.

Beberapa lagu popular lain turut didendangkan pada malam itu adalah 'Kau dan Aku', 'Hingga Akhir Nanti', 'Andainya Aku Pergi Dulu', 'Bunyi Gitar', 'Malam Pesta Muda Mudi' dan sebuah lagu Mandarin.

Sorakan serta tepukan gemuruh rakyat Pulau Pinang bertambah meriah apabila Ning melaungkan 'Penang the Best' yang diadaptasi dalam nyanyian lagu 'Simply the Best' oleh beliau.

Rata-rata rakyat Pulau Pinang yang menghadiri konsert percuma dengan hanya menunjukkan MyKad ini berasa sangat berpuas hati dan terhibur oleh Ning.

Selain Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, majlis meraikan kejayaan ini turut dihadiri oleh pemimpin lain negeri seperti Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersama ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Farizan Darus (sebelum menjawat Setiausaha Kerajaan Negeri kini).



AKSI Ning Baizura ketika mendendangkan lagu bagi meraikan Pulau Pinang sebagai jaguh pelaburan Malaysia.

BEST DITERIMA BAIK

SEBERANG PERAI : Inisiatif dan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap permasalahan rakyat Pulau Pinang kini menampakkan hasil apabila perkhidmatan 'Bridge Express Shuttle Transit' (BEST) terus mendapat respons baik daripada golongan pekerja sejak perkhidmatan bas percuma itu dilancarkan pada 1 Mac lalu.

Perkhidmatan itu disediakan khususnya bagi pekerja yang tinggal di Seberang Perai dan bekerja pada waktu pejabat di sekitar Zon Perindustrian Bayan Lepas (FIZ) di Pulau Pinang.

LIM mengurus di kilang Agilent Technologies yang hanya ingin dikenali sebagai **Lim**, 43, berkata, perkhidmatan tersebut berjaya mengurangkan lebih kurang 30 buah kereta di kilangnya sahaja sekaligus melancarkan pergerakan trafik terutama pada waktu puncak di sekitar kawasan Bayan Lepas dan susur keluar dari Jambatan Pulau Pinang.

Katanya, selain kelancaran trafik, perkhidmatan ini dapat memupuk semangat hijau di kalangan rakyat Pulau Pinang kerana berjaya mengurangkan pembebasan gas karbon monoksida apabila sesbuah kenderaan berhenti akibat kesesakan trafik.

"Servis percuma ini juga sangat efektif dan mempunyai jadual yang fleksibel kepada penggunanya", katanya ketika ditemuramah Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

AMUTHA, 26, berkata perkhidmatan ini telah mewujudkan suasana yang muhibah sesama pekerja-pekerja kilang apabila mereka dapat berkenalan dan

INSENTIF KEJAYAAN SUKAN ASIA KEPADA 2 ATLET WANITA NEGERI



LIM Guan Eng (dua dari kanan) menyampaikan replika cek bernilai RM15,000 kepada Nicol David pada Majlis Penyerahan Wang Insentif Penghargaan di Komtar di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN : Kejayaan mengharumkan nama negara dalam Sukan Asia tahun lalu oleh dua atlet wanita skuash negeri, Datuk Nicol David dan Low Wee Wern telah diraiakan oleh Kerajaan Negeri dalam sebuah majlis penyerahan wang insentif penghargaan di KOMTAR pada 23 Mac lalu.

Majlis penyerahan wang insentif yang telah berlangsung pada bulan Disember tahun lalu, tidak dapat dihadiri oleh kedua-dua jaguh ini kerana masih terlibat dalam perlawanan di luar negara.

Nicol membawa pulang cek berjumlah RM15,000 manakala Wee Wern menerima cek sebanyak RM9,000 sumbangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pemberian wang insentif ini adalah bersemepena kejayaan Nicol merangkul dua

mengetahui perkembangan dari pelbagai bidang perindustrian.

"Semenjak menggunakan perkhidmatan ini, saya telah menambah banyak kenalan baru yang terdiri daripada pelbagai bidang pakar perindustrian dan ini membolehkan saya berkongsi idea serta peluang", jelasnya yang kini bertugas sebagai seorang jurutera di kilang Mardec Polimer, Bayan Lepas.

Perkhidmatan percubaan selama enam bulan oleh Kerajaan Negeri ini bukan sahaja menarik minat golongan pekerja kilang malah turut dinikmati oleh pekerja yang bukan dari bidang perindustrian.

YASMIN Jalaluddin, 26, yang bertugas sebagai seorang Setiausaha di Metro Bersatu Sdn. Bhd. berasa amat bersyukur dengan wujudnya bas BEST dan mengharapkan perkhidmatan ini dapat disediakan secara berterusan.

"Kini masa perjalanan saya lebih singkat dan fleksibel kerana bas BEST yang berpusat di Sunway Carnival memulakan perkhidmatannya seawal 5.30 pagi", katanya yang hanya bergantung kepada perkhidmatan awam sahaja untuk ke tempat kerja. Tambahnya lagi, kos harian pengangkutan dapat dikurangkan dengan hanya perlu mengambil satu pengangkutan awam untuk terus ke tempat kerja berbanding tiga jenis pengangkutan awam sebelum ini dari kediamannya di Bukit Mertajam.

Menurut **Nur Alia Natasha**, 27,

perkhidmatan ini perlu menganjurkan jerayawa secara berterusan demi terus mempromosikan lagi program rakyat seperti ini oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Keselesaan bas Rapid Penang turut menggalakkan penambahan pengguna bas BEST setiap hari di samping tempat letak kereta yang luas dan hanya dikenakan RM1.00 sehari di Sunway Carnival", tambahnya yang merupakan seorang penjawat awam di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Pegawai Operasi, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang), Rofeezal Md. Hashim berkata anjuran perkhidmatan ini bersama Kerajaan Negeri dan Majlis Pengangkutan Pulau Pinang, mendapat respons positif dan maklum balas baik dari pekerja kilang.

"Secara purata perkhidmatan ini membawa sekitar 350 penumpang sehari dan ramai telah melahirkan minat untuk menggunakan perkhidmatan percuma ini khususnya selepas mengetahui perkhidmatan itu adalah selesa dan kos ekfektif di samping penyediaan wifi percuma kepada penumpang," katanya ketika ditemui di Terminal Bas Bukit Jambul yang mana merupakan antara lokasi hentian bas BEST ini.

Waktu operasinya ialah dari 5.30 pagi hingga 8.10 pagi dan dari 4.30 petang hingga 7.30 malam dari Isnin hingga Jumat dengan kekerapan bas setiap 20 minit.



BAS BEST yang dilabelkan dengan termometer berwarna kuning.

pingat emas dalam kedua-dua acara skuash kategori individu di Guangzhou.

Selain dua pingat emas dalam acara individu, Malaysia juga turut berjaya menambah pingat emas dalam acara skuash kategori berkumpulan dan pingat gangsa kategori individu melalui seorang lagi wirawati skuash negeri, Wee Wern.

Kejayaan dua Ratu Skuash ini bukan sahaja menjadi kebanggaan negara malah Kerajaan Negeri memandangkan kedua-dua mereka ini berasal dari Pulau Pinang.

Upacara penyerahan yang disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Dalam pada itu, majlis tersebut tambah makna apabila ianya turut disaksikan oleh ibu Nicol, Desmond David.

Kedua-dua atlet berkenaan turut mengambil kesempatan menyatakan ucapan terima kasih serta terharu di atas pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri terhadap kejayaan mereka dalam Sukan Asia November tahun lalu.



LOW Wee Wern (dua dari kiri) menerima replika cek daripada Lim Guan Eng baru-baru ini.

GEMERLAPAN CAHAYA DI MALAM SAMBUTAN 'EARTH HOUR' 2011



Hal ini bukan sahaja menzahirkan sokongan terhadap inisiatif murni malah ia memberi peluang kepada generasi akan datang untuk lebih memahami dan menghargai alam sekitar kita.

Sambutan 'Earth Hour' adalah penting untuk menyedarkan masyarakat supaya mengamalkan gaya hidup lestari bagi mengelakkan malapetaka. Di Malaysia, kita masih bergantung kepada sumber tenaga seperti arang batu dan gas asli. Stesen janakuasa yang membekalkan tenaga elektrik, secara amnya adalah membakar petrol fosil untuk menampung keperluan tenaga kita, walhal, ia juga menyebabkan pembebasan jumlah gas rumah hijau yang tinggi seperti karbon dioksida, karbon monoksida dan metana yang menjadi penyumbang peningkatan suhu dunia.

SEORANG kanak-kanak menyalaikan lilin organik yang diedarkan bersama-sama sambutan 'Earth Hour' di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN : Saban tahun, 'Earth Hour' disambut hampir di 4,616 buah bandaraya dan melibatkan lebih 128 buah negara seluruh dunia. Bermula pada 31 Mac 2007 di Sydney, Australia kini



ORANG ramai menyalaikan lilin sebagai tanda sokongan kepada 'Earth Hour'.

'Earth Hour' diraikan oleh lebih 1.3 bilion masyarakat dunia. 'Earth Hour' disambut setiap tahun pada hari Sabtu minggu terakhir bulan Mac.

Kempen kesedaran pemuliharaan bumi dan penjimatatan tenaga yang diadakan secara tahunan ini adalah anjuran 'World Wide Fund for Nature' (WWF) bersama 'Future Global Community Foundation' dan Kerajaan Negeri, berlangsung di Esplanade, Jalan Padang Kota Lama. Walaupun hujan sepanjang hari, ia tidak mematahkan semangat para pengunjung pada malam tersebut.

Bermula tahun 2009, Malaysia tidak ketinggalan menyertainya.



ORANG ramai berhimpun di Padang Kota Lama sempena sambutan malam 'Earth Hour' di sini.

Berdasarkan rekod Tenaga Nasional Berhad (TNB), sambutan pada tahun 2009 dan 2010 telah mencatatkan penurunan penggunaan elektrik sebanyak 753 megawatt di seluruh negara. Malah jumlah penjimatatan tenaga turut meningkat rentetan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memulihara alam sekitar turut meningkat.

Di Pulau Pinang, bangunan-bangunan ikonik seperti KOMTAR, Jambatan Pulau Pinang, Dewan Perbandaran PPP, Mahkamah Tinggi, Dewan Sri Pinang dan Ibu Pejabat MPSP turut menyertai sambutan kali ini.



TIP-TIP PEMULIHARAAN BUMI DAN PENJIMATAN TENAGA

- * Pilih peralatan yang jimat tenaga.
- * Menaiki pengangkutan awam.
- * Mengurangkan pembuangan sampah sarap melalui kitar semula barang yang boleh menjaskan alam sekitar.
- * Mewujudkan pusat pengumpulan produk elektronik.
- * Menggunakan produk mesra alam.
- * Mengurangkan penggunaan beg plastik.

KENALI JATA PULAU PINANG



gambar Jambatan Pulau Pinang yang mempunyai dua tiang dan empat kabel yang menegakkan tiang tersebut.

Dua tiang melambangkan serampang dua mata di dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Empat kabel pula, melambangkan empat bangsa di negeri ini, Melayu, Cina, Hindu dan lain-lain.

Lima jalur biru dan putih yang berombak memberi makna lima prinsip Rukunegara dan lima daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang, iaitu Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

SEKOLAH HIJAU TERIMA INSENTIF



GURU Besar dan guru-guru dari empat buah sekolah yang menerima insentif khas bergambar kenang-kenangan bersama Lim Guan Eng (tiga dari kanan), Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) dan Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (kanan sekali).

GEORGE TOWN : Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Penyampaian Insentif kepada empat buah sekolah di negeri ini yang telah memasuki peringkat terakhir Anugerah Sekolah Hijau 2010, baru-baru ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah menyampaikan sendiri insentif berjumlah RM1,000 kepada dua buah sekolah yang menduduki tempat pertama iaitu SMK Dato' Onn dan SJKC True Light manakala tempat kedua iaitu SMK (P) Methodist dan SK

Convent Pulau Tikus menerima insentif berjumlah RM500.

Insentif ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penglibatan para guru, murid-murid dan para pelajar dalam menghijaukan persekitaran.

Selain itu, ia juga merupakan sebahagian usaha untuk meningkatkan kualiti hidup serta tahap kesihatan rakyat negeri Pulau Pinang dan sekaligus merealisasikan matlamat mewujudkan Pulau Pinang hijau dan bersih.



PARA pelajar Sekolah Convent Pulau Tikus menunjukkan tong kitar semula yang disediakan di sekolah mereka kepada juri-juri Anugerah Sekolah Hijau baru-baru ini.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Tuan Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Tuan Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 537 8476 (F) 04 - 537 8476
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin simtzezin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong hitan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501522 (F) 04 - 2501523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee jason_ol@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapee adun.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik ngweiak@penang.gov.my; nwei-ak@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen pkrbktfengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
My name is Gilbert, and I am a native Penangite who graduated from Chung Ling High School in year 2005 with 4 As in SPM. I was later recruited into the Hong Kong University of Science and Technology (香港科技大学) with full scholarship offered. Whilst i was in Hong Kong i had had the opportunities to work for a listed company in their branches in Singapore and Thailand as summer intern. i thought that i would end up forever in HK, but the 2008 sub-prime mortgage crisis saw 50% of my classmates jobless after graduation in mid-2009. I was lucky enough not having to face that issue as i was offered another full scholarship to study my Master Degree in King Abdullah University of Science and Technology (KAUST, the university in Saudi Arabia that Dato Sri Najib visited last year).

KAUST indeed is a generous school; i was given summer sponsorship to study biological courses in Stanford University (I studied Engineering Management in HKUST, but i decided to change my major to biological engineering), and another generous deal after i arrived in KAUST. Time passes quickly when one is without any financial burden, before i knew it it was already August 2010 and i was about to graduate. The University saw that i had industrial experience in Supply Chain Management and offered me an attractive package to work for them in the Procurement Department. I took that opportunity and have been at my position for almost 8 months now.

I often wonder what might have happened had i stayed in Malaysia and fought for my future instead of fleeing to another country. I guess i would never know the answer now, but one real thing is happening, i am earning a senior manager's pay in Malaysia here in Saudi Arabia even though i am only 25-year old.

Although i have been away from home for almost 6 years now, i always pay attention to the latest news. I often heard that you stress: I heard from my friend that Penang is a far better now, and i am impressed. I thank you, YAB, for everything you have done.

I guess what i am trying to say is, i am still a penangite in my soul. i may not have much to offer, but should you need any of my helps, please let me know.

thanks,

Gilbert T.A. Yeoh

From: Khor Gaik Hong <Karmaw5555@yahoo.com.my>

Date: 03/30/2011 12:46AM

Subject: Blog Rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang: Thank you, Mr Lim!!

Ini ialah emel enkuri melalui <http://cm.penang.gov.my/dari:Khor Gaik Hong <ghkhor@islandhospital.com>>

Thanks for making Penang a better place to live. I've been living here for the past 24 years and since you took over we really do see changes. You definitely got my vote for next GE, Mr CM. Be strong for all Penangites. We love you, Mr CM!!!!

SIDANG REAKSI BULETIN MUTIARA

Bahagian utama dan Bahasa Malaysia:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZULIANA AZIZ

Bahasa Inggeris:

TAN TONG SENG

Bahasa Tamil:

D.BHAVANESWARI

Jurugambar:

CHAN LILIAN
KHAIROL IKRAM SALAMAT

sertai kami melalui "sms blast", taip "ADD ME"

019 357 9726, 016 428 6762

Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375

sertai kami melalui "emel blast"

unitkomunikasipejabatkm@gmail.com

pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

BUNGA SEBAGAI PENGHARGAAN

GEORGE TOWN : Bersempena dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa ke-101 pada 8 Mac yang lalu, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah turun padang bagi menyampaikan kuntuman bunga teluki atau carnation sebagai penghargaan kepada golongan wanita di seluruh negeri Pulau Pinang.

Penjual kuih di Taman Reservoir, Air Itam, Tan Kim Hoon, 55, merupakan antara beratus-ratus golongan hawa yang menerima kuntuman bunga daripada Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada hari istimewa berkenaan.

"Dua tahun lalu, Ketua Menteri turut berada di sini untuk menyampaikan kuntuman bunga kepada saya dan juga rakan-rakan di sini.

"Saya begitu terharu dan pada tahun ini,

saya memang menunggu ketibaan beliau," katanya sambil menunjukkan keratan akhbar mengenai liputan berita beliau tahun lalu.

Bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia ke-101, sebanyak 250 kuntum bunga ros dan teluki telah diedarkan kepada golongan wanita di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih.

Turut turun padang adalah ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow ; Air Itam, Wong Hon Wai dan lain-lain.

Menurut Guan Eng, kaum wanita memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara. Seiring dengan peredaran zaman, kaum wanita kini mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki.



TAN Kim Hoon (kanan sekali) menunjukkan keratan akhbar tahun lalu sambil diperhatikan oleh Lim Guan Eng di Taman Reservoir, Air Itam di sini baru-baru ini.

CUTI BERSALIN 90 HARI BERKUATKUASA 15 OKTOBER 2010

GEORGE TOWN : Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan Pulau Pinang mendapat kelulusan untuk melanjutkan cuti bersalin kakitangannya daripada 60 kepada 90 hari berkuatkuasa 15 Oktober 2010.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri menghantar surat lanjutan cuti bersalin kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pada 29 April tahun lalu.

"Kerajaan Pusat bersetuju berbuat demikian dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan pekeliling perkhidmatan Bil. 14 tahun 2010 bagi melaksanakan dasar baru kemudahan cuti bersalin pegawai awam Kerajaan Negeri pada 2 Disember lalu.

"Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2010 dan ia disetujui dalam Mesyuarat Exco 12 Januari tahun ini," katanya pada sidang media di sini.

Menurut Guan Eng, cadangan tersebut disokong Kerajaan Negeri kerana cuti bersalin 90 hari adalah selaras dengan amalan lebih 80 peratus negara di seluruh dunia termasuk Singapura, India, Indonesia dan Thailand.

Sehubungan itu, mana-mana penjawat awam negeri yang bersalin selepas 15 Oktober 2010 layak mendapatkan cuti 90 hari. Bagaimanapun, kelayakan cuti bersalin bergaji penuh terhad 300 hari sepanjang perkhidmatan pegawai berkenaan.



APA KATA MEREKA :

KHOR Sock Kun, 35, Pegawai Penyelidik Jabatan Perkhidmatan Veterinar

"Memang bagus!

Dengan pelaksanaan dasar ini, ia membolehkan ibu-ibu menyusu anak dalam tempoh lebih lama. Ini dapat mengeratkan hubungan antara ibu dan anak kerana bayi yang sentiasa dipeluk adalah lebih senang dijaga. Selain itu, ibu mempunyai masa yang cukup untuk penyediaan seperti penyimpanan susu ibu dan juga mencari pengasuh yang bersesuaian. Ini kerana, bukan semua pengasuh sanggup memanaskan

perahan susu ibu yang disimpan di dalam pek sejuk beku."

WARDAH Mohamed Hassan, 32, Penolong Pengarah UPEN (Penswastaan)

"Amat dialu-alukan! Tambahan 30 hari cuti bersalin membolehkan ibu mendapat rehat secukupnya terutamanya mereka yang bersalin melalui kaedah pembedahan. Malah,

saya juga pernah terbaca bahawa Malaysia merupakan salah satu negara yang mempunyai cuti bersalin paling rendah di dunia. Justeru, pelaksanaan ini adalah sesuatu yang amat bagus."

WARDAH
Mohamed
Hassan

M.Sujata

M.Sujata, 32, Ketua Penolong Pengarah UPEN (Penyelidikan dan Pembangunan)

"Amat bagus! Langkah ini memperlihatkan bahawa Kerajaan menitikberatkan keperluan seorang ibu. Lazimnya, selain sebagai seorang pekerja, seorang wanita turut memegang tanggungjawab sebagai ibu dan isteri. Justeru, dengan pertambahan cuti bersalin kepada 90 hari, ibu bukan hanya mendapat rehat secukupnya, malah, turut dapat meluangkan

lebih banyak masa bersama anak yang bakal menjadi generasi pelapis negara."

MUHAMAD Azrai Mohamad Zaini, 29, Penolong Pengarah UPEN (Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan)

"Walaupun ramai pihak yang bimbang dengan kadar produktiviti kaum wanita yang memperoleh cuti bersalin 90 hari, ia sama sekali tidak benar. Bagi saya, kadar produktiviti akan kekal sama disebabkan 'fallback'. Malah, setiap jabatan mempunyai pegawai-pegawai lain untuk mengambil alih tugas dalam tempoh sementara. Pada masa sama, tempoh 90 hari juga membolehkan seorang ibu memperoleh rehat secukupnya."

ISMAWATI Ismauddin, 32, Pembantu Tadbir (Makro)

"Bagus! Ibu dapat rehat secukupnya dan ia juga dapat memberi masa secukupnya untuk seorang bayi menerima atau biasa dengan puting tiruan."



ISMAWATI
Ismauddin

Pembantu Tadbir (Makro)

- Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Patahiyah Ismail
- Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Sharif
- Pengarah Urusan iNVESTPenang, Loo Lee Lian
- Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, Rohani Hassan
- Pengarah Urusan Penang Global Tourism, Ooi Geok Ling

Umumnya, pelantikan ini membuktikan bahawa kerajaan PR bersikap adil kepada semua tanpa mengira bangsa, agama, keturunan, jantina dan fahaman politiknya. Pada masa sama, Pulau Pinang turut muncul sebagai negeri pertama yang melantik paling ramai wanita dalam menerajui tumpuk kepimpinan negeri.

KERAJAAN PR IKTIRAF SUMBANGAN WANITA



FAIZA Zulkifli



MAIMUNAH Sharif



PATAHIYAH Ismail



OOI Geok Ling

GEORGE TOWN : Buat julung kali, dalam tempoh tiga tahun di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR), seramai enam

wanita telah dilantik bagi menerajui pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sebaliknya, di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) dalam tempoh kira-kira 60 tahun, hanya dua wanita yang diiktiraf dan diberi kepercayaan menjawat jawatan-jawatan kanan Kerajaan Negeri.

W a n i t a - wanita unggul yang dimaksudkan adalah :

- Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Faiza Zulkifli

ROHANI Hassan



STEPPING STONE – PENYUNTIK HARAPAN OKU

OLEH : YAP LEE YING
GAMBAR : CHAN LILIAN

NUN jauh di sudut pedalaman Pulau Betong, Balik Pulau, berdirinya sebuah pusat diusahakan sepenuhnya oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjadi penyuntik harapan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) mental atau 'Intellectually Disable' (ID) di negeri ini.

tahap permulaan dikenali sebagai 'pekerja biasa' kepada 'pekerja' mahir' dan seterusnya sebagai seorang 'pelatih' yang mampu berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri.

Penyelia Pusat SS, **Hasra Othman** berkata, pihaknya akan memproses permohonan sama ada secara bertulis atau 'walk

berfokuskan kepada latihan penghasilan produk hiasan, sebaliknya, produk kegunaan harian seperti tenunan guni, cebisan kain, benang halus, rafia, penghasilan sabun daripada minyak terpakai, bakeri, memasak, batik, penghasilan kertas daripada batang pisang dan ikat celup merupakan keutamaan khas bagi

abang berpesan supaya tidak bertanyakan tentang bayaran gaji. Pesannya adalah bersyukur kepada Allah dengan peluang yang diberikan," jelasnya yang mula menyertai SS pada tahun 2004.

Bagi **Rozihad Yahya**, 39, yang juga merupakan pelatih produk tenunan menyatakan



SALAH seorang pekerja sedang menyiapkan produk kertas daripada batang pisang.

Menyediakan pelbagai latihan kemahiran kepada golongan yang sentiasa dipinggirkan oleh masyarakat umum, Stepping Stone : Support Centre In Community Living (SS) merupakan satu-satunya nadi harapan golongan istimewa ini untuk menabur bakti

in' mengikut kriteria ditetapkan iaitu seseorang perlu berusia 18 tahun ke atas ; mempunyai pengangkutan sendiri (latihan khas dalam tempoh tiga hingga enam bulan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas akan diberikan

memenuhi permintaan pasaran komersial," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Salah seorang pelatih produk tenunan, **Diana Mariawa**, 26, berkata, selepas tamat tingkatan 5, akibat kecacatan yang dialami, kakak serta abangnya tidak membenarkan beliau keluar bekerja sepanjang tempoh dua tahun.

"Sering kali saya terfikir bahawa takkan OKU hanya mampu dok rumah seumur hidup dan makan minum ditanggung orang je. Bagaimanapun, saya bersyukur kerana beberapa bulan selepas itu, jiran saya menyatakan bahawa terdapat sebuah pusat latihan yang menawarkan pekerjaan kepada orang macam saya.

"Ketika mula mendaftarkan diri dan menghadiri sesi temuduga,

"Pada hari Ahad terakhir setiap bulan, pihak pengajur pasar jalanan di Upper Penang Road akan menyediakan satu gerai kepada SS bagi tujuan memasarkan produk kami. Di sana, saya bertemu dengan ramai pelancong dari dalam dan juga luar negara.

"Berbanding dulu, masyarakat umum kini lebih terbuka dan tidak lagi memandang serong terhadap kami. Malah, mereka amat kagum dengan produk yang dihasilkan oleh saya dan juga rakan-rakan di SS," ujar Rozihad.

Sebagai insan biasa, Rozihad menyatakan bahawa beliau juga memiliki keinginan untuk memulakan hidup berkeluarga. Namun, setelah menjalin hubungan sejak tahun 2004, niatnya kini masih mendapat tantangan daripada pihak keluarga.

Bagi maklumat lanjut, sila hubungi Stepping Stone : Support Centre For Community Living, 53, Jalan Baru, MK 1 Pulau Betong, Balik Pulau, 11000 Pulau Pinang. Nombor telefon : 04 – 866 5349, Faks : 04 – 866 5887.



CORAK batik yang dihasilkan mengikut kreativiti pelatih.

kepada masyarakat.

Dibiayai sepenuhnya oleh Nippon Foundation, ACE Japan, Lion's Club International Foundation, Persatuan Bunga Tanjung, Mitsubishi Foundation dan beberapa pertubuhan lain, SS bukan berfungsi sebagai sebuah rumah kebajikan yang menawarkan perkhidmatan penjagaan kepada golongan golongan berkenaan, sebaliknya, adalah menjadi prinsip SS untuk melatih seseorang OKU ID dari

kepada pemohon yang tidak memiliki pengangkutan sendiri dan keutamaan diberikan kepada pemohon OKU ID berbanding kecacatan fizikal.

"Pada tempoh percubaan tiga bulan pertama, seseorang 'pekerja biasa' tidak akan diberikan eluan. Sepanjang tempoh ini, mereka akan didedahkan dengan semua aspek latihan kemahiran di SS sebelum dikhurasukan mengikut bakat serta minat masing-masing.

"Di SS, kita bukan hanya



ROZIHAD Yahya menunjukkan proses tenunan yang menjadi kemahirannya sejak 10 tahun lalu.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB DATO' FARIZAN BIN DARUS

"Jangan main waktu kerja, jangan kerja waktu main," YB Dato' Farizan Bin Darus.



FARIZAN Darus menjelaskan mengenai cabaran beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru.

OLEH : YAP LEE YING dan
AINUL WARDAH SOHILLI
GAMBAR : KHAIROL IKRAM SALAMAT

saya untuk memenuhi hasrat Kerajaan Negeri. Bercakap tentang visi untuk muncul sebagai bandaraya

maksudkan yang penjawat awam kita belum bersedia ke arah itu. Apakah kriteria yang diperlukan.

FARIZAN : Bersedia, memahami dan persediaan ke arah hala tuju ditetapkan merupakan kriteria paling penting yang perlu ada pada seseorang penjawat awam untuk mematarbatkan status negeri Pulau Pinang kepada tahap lebih tinggi. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab seseorang pemimpin atau ketua untuk memastikan sama ada kakitangan di bawah seliaannya memiliki ketiga-tiga kriteria ini. Perlu ditekankan bahawa seorang ketua bukan hanya memberitahu apa yang perlu dilakukan oleh seseorang kakitangan, malah, elemen penting adalah juga memantau pelaksanaan. Ini kerana, dalam mencapai sesebuah visi, nilai KERJASAMA adalah amat penting. Kerjasama antara semua pihak termasuk antara majikan dengan

kakitangan, jabatan dengan jabatan dan seterusnya. Mengulas mengenai persoalan sama ada penjawat awam kita bersedia atau tidak, pada hemat saya, penjawat awam telah bersedia tapi dorongan, panduan serta pemantauan perlu diteruskan dan ia juga adalah bergantung kepada tiga kriteria dinyatakan.

BM : Buletin Mutiara amat tertarik dengan penekanan nilai KERJASAMA dinyatakan YB Dato' sebelumnya. Apakah kepentingan nilai ini dalam merealisasikan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

FARIZAN : Bagi saya, melalui penanaman nilai kerjasama, masalah pasti dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat. Oleh itu, adalah penting ia diperaktikkan di setiap jabatan. Seseorang pemimpin perlu memimpin, menjadi mentor, membantu dan menegur kakitangan di bawah seliaannya sekiranya perlu. Tidak terhad dengan itu sahaja, seseorang pemimpin perlu duduk, berinteraksi, berkomunikasi antara satu sama lain. Dengan ini, barulah pemupukan nilai kerjasama dapat diwujudkan di dalam sesebuah organisasi yang secara tidak langsung meningkatkan pemahaman serta persediaan para kakitangan berhubung visi organisasi. Sekaligus, ia juga sebagai jaminan kepada kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi.

BM : Adakah disiplin menjadi asas pegangan YB DATO' sejak bergelar seorang penjawat awam bermula pada tahun 1984.

FARIZAN : Bagi saya semuanya bermula dengan disiplin atau tata tertib. Contohnya, ketepatan masa dan kehadiran. Elemen ini merupakan perkara asas di dalam sesebuah pentadbiran. Pegangan saya adalah 'Jangan main waktu kerja, jangan kerja waktu main' sebagaimana saya dilatih ketika di sekolah asrama. Pada masa sama, kita juga jangan sesekali berpuas hati dengan apa yang kita miliki kini, sebaliknya ia perlu sentiasa berubah demi kebaikan dan kemajuan diri. Dalam pada itu, kita tidak boleh bersikap sombang tapi perlu sentiasa mensyukuri dalam apa jua perkara atas usaha yang dilakukan.



TATATERTIB dan disiplin menjadi pegangan asas Farizan Darus.

BULETIN MUTIARA (BM) : Terlebih dahulu, Buletin Mutiara mengucapkan tahniah di atas pelantikan YB Dato' sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru. Adakah menjadi keutamaan YB Dato' untuk meneruskan misi dan visi Kerajaan Negeri terutamanya dalam membawa Pulau Pinang mencapai status sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa..

FARIZAN : Dalam memenuhi dan mencapai misi serta visi Kerajaan Negeri, ia merupakan cabaran utama kepada saya. Malah, adalah menjadi keutamaan kepada

bertaraf antarabangsa, apa yang perlu saya tekanan adalah bagaimana untuk merealisasikan dan mencapai objektif tersebut. Intipati dan faktor terpenting yang berkait ke arah mencapai visi tersebut adalah penjawat-penjawat awam. Penjawat awam perlu dan sepatutnya telah bersedia, faham dan berusaha ke arah pencapaian tersebut yang sepatutnya menjadi arah hala tuju atau sasaran dalam pelaksanaan urusan-urusan sehari-hari.

BM : Adakah YB Dato'



FARIZAN Darus ketika diwawancara wartawan Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

MPSP SEDIA BANTU PENIAGA

JURU: Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersetuju membantu para peniaga memohon lesen dan memberi khidmat nasihat berhubung penyambungan semula premis bagi membolehkan golongan terbabit bermiaga semula selepas operasi perobohan besar-besaran gerai haram baru-baru ini.

Ahli Majlisnya, M. Ramachandran berkata, pihaknya bersedia dan bersetuju membantu para peniaga yang terbabit di dalam operasi berkenaan.

"MPSP akan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi membantu peniaga-peniaga yang sebelum ini bermiaga di premis haram," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-

baru ini.

Dalam pada itu, pengusaha kedai gunting, P. Arunasalam, 63, berkata dia bersedia untuk keluar dari premis sedia ada jika MPSP menyediakan kawasan perniagaan baru.

"Kami harap MPSP dapat mencari jalan penyelesaian terbaik iaitu mencari tapak perniagaan baru buat kami. Kami sedia berpindah jika kawasan baru disediakan," katanya yang sudah enam tahun bermiaga di kawasan itu.

Pengusaha kedai telekomunikasi, Lee Wan Chiah, 21, melahirkan harapan supaya MPSP membina bangunan kedai baru untuk

dijadikan sebagai tapak perniagaan baru.

"Saya sememangnya bersedia dan akur dengan arahan berpindah ke kawasan baru," katanya.

Low Choon Heng, 48, yang sudah 12 tahun bermiaga menjual barang makanan mentah, memohon supaya dibenarkan terus beroperasi kerana tidak mempunyai sumber pendapatan lain.

Operasi merobohkan gerai dan premis perniagaan yang dibina secara haram di kawasan terbabit kecoh apabila pemilik-pemilik premis bertindak menyerang seorang penguatkuasa MPSP.

BAYAR SEGERA, ELAK HARTA DARI DISITA

SEBERANG PERAI : Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengadakan Lelongan Awam Harta Mudah Alih iaitu harta telah disita dari pembayar-pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai taksiran atau pembayar-pembayar tidak mampu

membuat pembayaran semula atau tuntutan ke atas harta yang telah disita oleh pihak berkenaan baru-baru ini.

Lelongan awam yang diadakan pada 9 Mac lalu di ruang legar, ibu pejabat MPSP itu melibatkan pembelian harta yang terdiri daripada 34 barang elektrik seperti televisyen, mesin

basuh dan peti sejuk yang dijual dengan harga berpatutan.

Pihak MPSP telah berjaya memperoleh RM5,000 hasil daripada kesemua barang yang telah dilelong pada hari tersebut. Bayaran hanya dibuat secara tunai dan dikeluarkan segera dari kawasan lelongan serta tidak boleh dikembalikan

setelah dibeli.

Di samping itu, para pemilik premis perniagaan yang mempunyai tunggakan cukai adalah dinasihatkan untuk membuat bayaran segera sebelum tindakan penyitaan dibuat oleh pihak berkuasa tempatan.



ORANG ramai meninjau sebahagian barang yang dilelong oleh MPSP.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng (dua dari kanan) dan Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee (kanan sekali) memerhatikan acara lelongan yang berlangsung baru-baru ini.

TINTA PENGARANG ADA AKU KISAH?

Persoalan "ada aku kisah?" ini sering membengkulu penghuni bumi Malaysia hari ini. Rakyat Malaysia sememangnya amat bertuah kerana masih lagi mampu bangun pagi dalam suasana yang aman serta bersarapan roti canai dan segelas teh tarik. Nikmat seperti ini semakin terhakis di kalangan masyarakat dunia. Cuba kita lihat pergolakan politik yang berlaku di Tunisia, Mesir dan terbaru di Libya. Pergolakan yang berlaku kononnya di atas perjuangan. Jika mungkin ini sebuah perjuangan kenapa ia perlu dibayar dengan pertumpahan darah? Seolah-olah dunia politik hari ini dahagakan darah.

Namun pun begitu, bumi tercinta kita hari ini masih lagi dirahmati dengan sebuah keamanan yang tidak mungkin dapat dibayar wang ringgit. Cuba bayangkan ketika kita sedang meneguk teh tarik di sebuah kedai mamak. Tiba-tiba terdengar bedilan tembakan yang membingitkan telinga. Teh tarik yang manis pun akan hilang manisnya dek kerana dihanyut ketakutan dan keinginan menyelamatkan diri. Syukur perkara sebegini tidak berlaku di Malaysia setakat ini.

Sememangnya gelora politik Malaysia pun apa kurangnya apabila kita melihat 16 pilihanraya kecil berlaku dalam penggal pemerintahan kali ini. Toh mahansana, tuduhan sini, bongkar sana, isu sini namun masyarakat Malaysia masih harmoni. Kewarasan rakyat

Malaysia masih dalam keadaan terpuji walaupun disajikan dengan pelbagai menu fitnah bersulamkan rasuah politik serta seangkatan dengannya. Perjuangan dalam suasana damai ini membolehkan perbezaan mazhab politik masih boleh duduk semeja.

Ada aku kisah? Pahaman kau bukan pahaman aku. Perjuangan kau bukan perjuangan aku. Bak kata orang Pulau Pinang, "Lantak hangla!". Ini kerana implementasi janji-janji manis politik tidak dapat dinikmati rakyat secara menyeluruh. Bukan semua dapat rasa. Arus perdana politik di Malaysia masih relevan dengan norma-norma kehidupan rakyat kita yang berbilang kaum walaupun adakalanya tiupan api fitnah dan tohmahan mengundang persengketaan. Meskipun begitu, anak kita masih boleh pergi ke sekolah dan kita masih bebas untuk keluar mencari nafkah keluarga.

Biarlah kita berjuang dengan cara ketimuran kerana kita sebuah masyarakat yang bertamadun. Usah kita jadikan perjuangan politik sebuah perjuangan bermandikan darah. Biarkan mereka dengan cara mereka dan kita dengan cara kita. Rakyat sememangnya perlu bangkit dari lena yang panjang. Perlu ambil tahu dan ambil kisah. Jangan suatu hari kita semua akan dipersalahkan oleh generasi masa depan atas "ketidakkisahan" kita hari ini. Jangan biarkan kerakusan rasuah menghancur sebuah masa

depan yang gemilang. Medium informasi yang pelbagai hari ini perlu kita ambil kisah demi mentafsir sesebuah propaganda politik yang melanda negara kita. Adalah tidak wajar jika hari ini kita masih bertunjang kepada satu medium informasi. Meskipun jaringan internet semakin menjalar ke kawasan luar bandar namun kredibiliti informasi dari internet dianggap mengarut. Di sinilah bermulanya peranan kita untuk mentafsir atau menghadam informasinya. Berilah ruang kepada minda kita untuk berkembang. Berfikir demi menentukan hala tuju masa depan negara kita yang tercinta ini.

Sebuah kerajaan yang telus adalah sebuah kerajaan yang bersedia untuk dikritik. Situasi ini menjamin kestabilan dan keharmonian masyarakat khususnya dan negara amnya. Kritikan akan memandu kita kembali kepada dasar dan paksi sebenar sesebuah perjuangan kerana pemimpin juga adalah manusia biasa yang sama seperti kita manusia berstatus rakyat. Sememangnya kita semua hanya insan biasa yang tidak akan terlepas dari dosa dan melakukan kesilapan. Segalanya bermula dari diri saya sendiri, anda, mereka dan seluruh rakyat Malaysia untuk ambil kisah. Akhir kalam, **JOM AMBIL KISAH KERANA MALAYSIA MILIK ANDA!!!**

ROBOH KEDAI – MPPP TIDAK HENTAM KEROMO

GEORGETOWN: Apabila kita terdengar atau menyebut Pulau Pinang, perkara pertama yang terlintas di minda adalah pasembur, nasi kandar, cendol dan pelbagai jenis makanan yang menggeurkan. Pulau Pinang adalah syurga makanan Malaysia.

nasi mereka. Walhal, sekiranya mereka benar-benar ingin bermula, maka mohonlah lesen dan ikutlah prosedur yang telah ditetapkan oleh PBT agar tidak wujud ruang pertelingkahan kelak.

Antara premis yang

strategik. Premis yang disediakan oleh PBT ada yang tidak strategik walaupun selesa, malah sekiranya perniagaan dijalankan juga maka kerugian terpaksa ditanggung oleh para peniaga.

Menurut Pengurus Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong, isu perniagaan tanpa lesen dan premis perniagaan haram sebenarnya telah lama bertapak di Pulau Pinang. Malah isu tersebut berlarutan dan tiada tindakan ketara yang diambil oleh mana-mana pihak sebelum ini.

"Terdapat kira-kira 2,000 hingga ke 3,000 premis perniagaan tanpa lesen beroperasi dikenal pasti di Pulau Pinang. Sebenarnya premis-premis ini ada yang mengganggu lalulintas dan menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Ada yang beroperasi di laluan pejalan kaki dan menimbulkan risiko kepada pejalan kaki," katanya.

Selain faktor keselamatan, faktor kebersihan makanan turut menjadi isu. Hal ini kerana

yang tinggal bersendirian atau bersama anak-anak sahaja dan kerja memasak hanya dilakukan pada hujung minggu.

"Senangla ada gerai kecil-kecil depan rumah, sekarang semua kena roboh payah nak cari makan," ujar penghuni rumah pangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Kak Ana. "Kakak tinggal dua beranak, abang bawa lori, nak masak apa sangat. Beli depan ni senang. Lagipun peniaga ni tak kacau orang," tambahnya yang merujuk kepada peniaga asing yang membuka premis perniagaan nasi campur di kawasan perumahan pangsa tersebut.

Seorang lagi penghuni yang ditemui berkata, premis perniagaan di kawasan rumah beliau bukan sahaja memudahkan beliau membeli makanan, malah makanan yang ditawarkan sangat murah, sedap dan kebersihan juga terjaga. Akan tetapi, setelah premis tersebut dirobohkan, dia terpaksa memandu untuk membeli makanan.

Di sini, Buletin Mutiara ingin menyatakan bahawa tahap kesedaran siviks masyarakat masih lagi di tahap rendah. Sikap endah tak endah dan 'tak apa' menjadi penyakit yang menularkan masalah dalam jangka masa panjang. Buletin Mutiara mengharapkan agar PBT dapat melaksanakan tanggungjawab sosial dengan sebaiknya tanpa memihak mana-mana pihak dan mengamalkan CAT (Cekap, Akauntabel, Telus) dalam melaksanakan tanggungjawab.



PENGUATKUASA MPPP merobohkan gerai haram yang terletak di belakang bangunan E-Gate setelah notis pengosongan premis yang dihantar dua bulan sebelum itu tidak diendahkan pemilik.

Rentetan kepopularan syurga makanan, maka kebanyakannya warga Pulau Pinang, malah warga asing mengambil kesempatan membuka perniagaan di merata-rata tempat tanpa memikirkan soal lesen mahupun keselamatan dan kebersihan perkhidmatan dan makanan yang dihidangkan. Tidak kurangnya, ada yang membina premis perniagaan makanan secara haram selama bertahun-tahun dan berselerak di tepi-tepi jalan sekitar kawasan tumpuan di Pulau Pinang.

Ekoran aduan orang ramai dan beberapa pelancong luar, maka pihak berkuasa tempatan (PBT) terutamanya pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), mengambil langkah drastik dengan merobohkan premis-premis haram secara berperingkat-peringkat.

Menurut jurucakap MPPP, mereka tidak hentam keromo merobohkan premis perniagaan, sebaliknya mereka telah mengeluarkan notis pengosongan premis dua bulan sebelum sebarang tindakan susulan diambil. Ada di kalangan penerima notis ingkar, keras kepala dan menyatakan bahawa PBT mengganggu perju



BEBERAPA gerai yang beroperasi secara haram sehingga mengganggu lalulintas dan menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya di Flat 88, Paya Terubong dirobohkan demi keselamatan orang ramai di sini.

dirobohkan oleh PBT dalam operasi perobohan premis haram termasuklah Hammer Bay Ikan Bakar di Persiaran Queensbay, Three N Ikan Bakar di Jelutong, Kafe Do Re Mi di Tanjung Bungah, Sunset Bistro di Batu Ferringhi dan beberapa deretan kedai di Taman Pelangi, Juru dan Teluk Kumbar.

Buletin Mutiara sempat menemubual beberapa peniaga yang hanya mahu dikenali dengan nama samaran rata-rata menyuarakan yang mereka hanya menginginkan premis yang ramai pengunjung dan

persekitaran premis tersebut terdedah kepada habuk, asap kenderaan, menjadi tempat pembiakan lipas dan tikus serta tahap kebersihan air menjadi tanda tanya.

Di sudut pandangan lain pula, Buletin Mutiara sempat bertemu penduduk di sekitar taman perumahan yang mempunyai premis perniagaan tanpa lesen. Menurut penduduk di taman perumahan tersebut, dengan adanya gerai-gerai menjual makanan, ia memudahkan kerja harian mereka. Hal ini kerana, ada dalam kalangan penduduk



SEBUAH gerai yang beroperasi di laluan penjalan kaki dirobohkan demi kepentingan dan keselamatan awam di Bayan Baru baru-baru ini.

SESI BERDIALOG PENIAGA HARAM

GEORGETOWN: Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan mengadakan sesi berdialog bersama peniaga-peniaga yang tidak memiliki lesen perniagaan tidak lama lagi.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong dalam pada itu mengulas

bahawa pertemuan bersama kira-kira 3,000 peniaga-peniaga tanpa lesen tersebut bakal membuka ruang kepada kedua-dua pihak mengemukakan dan menyuarakan pendapat serta pandangan bagi mengatasi dan menyelesaikan isu peniaga haram


di sini.

"Ia merupakan langkah proaktif bagi merangkajalan penyelesaian dengan mencapai kesepakatan yang bersifat menang-menang tanpa meminggirkan mana-mana peniaga," ulas beliau.

Sesi dialog tersebut bukan

sahaja melibatkan peniaga tanpa lesen dan MPPP malah turut melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Tanah dan Daerah, Persatuan Penjaja Berlesen serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO) bagi melihat isu tersebut dalam pelbagai sudut.

BANTUAN SEGERA MANGSA RIBUT



KEADAAN bumbung salah sebuah kediaman mangsa ribut yang diterbangkan angin, baru-baru ini.

SUNGAI ACHEH : Lebih 100 buah rumah rosak akibat ribut yang melanda Pulau Pinang penghujung Mac yang lalu. Hujan lebat beserta tiupan angin kencang lewat malam

28 Mac lalu telah mengakibatkan 23 buah rumah yang terletak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Acheh yang merangkumi empat buah rumah di Sungai Acheh, tiga

buah rumah di Sungai Setar, empat buah rumah di Permatang Keling, tiga buah rumah di Sungai Bakau dan sembilan yang lain di Sungai Chenaam rosak teruk.

Ribut yang melanda dalam tempoh 10 minit telah menyebabkan sebahagian besar penduduk hilang tempat tinggal dan terpaksa menanggung kerosakan yang teruk.

Pegawai Penyelaras DUN Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar memberitahu bahawa beliau bersama penghulu serta ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) kawasan yang terbabit turun padang dan hulurkan tangan bagi membantu mangsa ribut berkenaan. Sumbangan dan bantuan sebanyak RM500 ke RM1,000 setiap mangsa yang terlibat disampaikan melalui Tabung Bencana Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menurut jurucakap Jabatan Meteorologi Wilayah Utara, cuaca yang tidak menentu di utara tanah air adalah berikutan peralihan monsun yang berlaku setiap tahun. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan ekoran kejadian ribut tersebut.

BAYI PRAMATANG PERLUKAN BANTUAN

BAGAN DALAM : Samuel dilahirkan pramatang satu setengah bulan dan mempunyai masalah pendengaran yang kritikal. Ibunya, Yasotha Shanmugan merupakan seorang ibu kepada tiga orang anak dan memperoleh pendapatan lebih kurang RM600 sebulan. Manakala bapanya memperoleh gaji harian RM30, bergantung kepada keadaan cuaca, andai hujan maka tiada

pendapatan diperoleh.

Samuel bukan sahaja dilahirkan pramatang, malah dia juga memerlukan bantuan khusus untuk makan dan minum. Dia memerlukan nutrisi yang telah ditetapkan oleh pihak perubatan dan memerlukan tiub khas untuk makan dan minum. Kos tersebut adalah dalam lingkungan RM1,000 sebulan. Dalam kesempitan hidup, mereka sekeluarga bernasib baik

atas ihsan tuan rumah, mereka dapat tinggal di kediaman mereka tanpa membayar sewa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Bagan Dalam, A.Tanasekharan tampil memberi sumbangan peribadi sebanyak RM1,500 bagi meringankan bebanan keluarga tersebut. Malah Tanasekharan turut menyampaikan sumbangan RM500 bagi menampung keseluruhan

kos pembedahan telinga iaitu RM5,800. Beliau berharap agar ada pihak tampil memberi bantuan kepada Yasotha dan keluarga serta menawarkan pekerjaan kepada suami Yasotha untuk terus menyara keluarga mereka.

Untuk sebarang maklumat dan sumbangan bolehlah hubungi Pejabat ADUN berkenaan di talian 017-446 9688 (Victor).

BANTUAN SEGERA : BUDAK 5 TAHUN KORBAN KEBAKARAN



PHEE Boon Poh (kiri sekali) bersama Setiausaha Perbandaran, Rozali Mohamud (dua dari kiri) memberi sumbangan kepada ibu mangsa kebakaran.

PERMATANG PAUH : Seorang kanak-kanak maut dalam kebakaran yang berlaku di kediamannya, di Permatang Nibong. Kanak-kanak malang tersebut, Mohammad Irfan Abdul Rashid, 5, ditemui dalam keadaan mengerekot dan 70 peratus bahagian badannya rentung di dalam bilik utama rumah mereka selepas anggota bomba dan

penyelamat memadam kebakaran tersebut pada 3 April lalu.

Ekoran itu, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Negeri, Phee Boon Poh telah menghulurkan bantuan segera berjumlah RM1,000 kepada keluarga mangsa.

"Bantuan kilat ini merupakan dana dari Tabung Bencana Kerajaan Negeri yang ditubuhkan sejak November tahun lalu. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk mewujudkan tabung ini agar bantuan segera dapat dihulurkan bagi membantu mangsa bencana."

"Selain bantuan segera itu, keluarga mangsa juga akan menerima sumbangan RM1,000 dari tabung bencana Tuan Yang Terutama (TYT) dan RM500 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dijangka diberikan dalam tempoh terdekat selepas maklumat lengkap diperoleh," kata beliau.

Dalam kejadian yang berlaku kira-kira jam 11.50 pagi itu, hanya mangsa bersama ibunya, Noramalina Mat Ariffin, 25, berada di rumah, manakala ayahnya, Abdul Rashid Ismail, 31, pergi ke sawah.

MAINAN POLITIK KOTOR



ANWAR Ibrahim (berdiri, dua dari kanan) ketika memberi ceramah kepada orang ramai

PERMATANG PAUH : Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengadakan ceramah Tolak Fitnah III bertempat di Padang Awam Taman Seri Pauh (belakang ABC Corner) pada hari Sabtu, 26 Mac 2011 bermula jam 9.30 malam.

Antara penceramah yang turut hadir untuk memberi ceramah termasuk Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul.

Hujan lebat pada malam tersebut menyebabkan kesesakan jalan yang teruk di sekitar kawasan ceramah, namun ia tidak menghalang orang ramai dari mengerumuni padang awam itu untuk mendapatkan informasi terkini mengenai

Parti Pakatan Rakyat (PR) bersama penaung-penaungnya.

Antara isi kandungan ceramah tersebut adalah berkaitan isu panas video seks yang dikatakan melibatkan Anwar. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa semua itu adalah fitnah semata-mata daripada pihak tidak bertanggungjawab yang ingin menjatuhkan reputasi beliau sebagai seorang pemimpin parti yang semakin mendapat tempat di hati orang ramai ketika ini.

Beliau sebelumnya turut menghadiri Majlis Hi-Tea dan sumbangan untuk enam orang mangsa ribut Kampung Besar di Pejabat Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Salleh Man bermula jam 4.00 petang.

PERSEKITARAN KONDUSIF MENJAMIN KESIHATAN & KESELAMATAN



RINGAN TULANG... Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R. Sanisvara Nethaji Rayer (tiga dari kanan) bersama penduduk setempat tanpa mengira kaum dan peringkat usia berkerjasama membersihkan halaman kediaman tetangga Taman Tun Sardon, baru-baru ini.

SERI DELIMA : Demi memastikan tahap kebersihan dan kesihatan berada pada tahap terbaik dengan persekitaran yang kondusif bagi penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Delima, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, A. Sanisvara Nethaji Rayer sering mengadakan aktiviti gotong-royong yang melibatkan penduduk setempat.

Beliau bersama ahli JKKK, ahli parti Pakatan Rakyat (PR) dan penduduk kawasan Seri Delima, khasnya di Taman Tun Sardon, Bukit Gelugor, Island Glades dan Island Park, menjadikan aktiviti gotong-royong sebagai aktiviti riadah mingguan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Kawasan-kawasan tersebut memerlukan atau mempunyai ruang

untuk dibersihkan dan diceriakan ke tahap yang lebih baik, oleh yang demikian, Sanisvara Nethaji Rayer menggunakan setiap peluang dan ruang yang ada untuk melaksanakan inisiatif.

"Program yang baik dan patut disertai oleh lebih ramai penduduk", ujar seorang penduduk, Zainul Abdul Malik Eusoff.

Bagi Zulkifli Ismail dari Taman Tun Sardon pula berkata bahawa program tersebut sememangnya perlu dilakukan selalu untuk mendidik masyarakat supaya lebih prihatin dan mengenali kawasan setempat.

Manakala bagi Yeoh Teik Lee yang juga merupakan penduduk tempatan, menyatakan bahawa program tersebut perlu didedahkan kepada umum supaya mendapat lebih ramai penyertaan.

TKM I ZIARAH KELUARGA MANGSA



MANSOR Othman (kanan sekali) menyampaikan sumbangan cek kepada bapa mangsa kebakaran, Abdul Rashid (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

PERMATANG PAUH : Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman turut menziarahi keluarga adik Mohd. Irfan Abdul Rashid, 5, yang maut dalam satu kebakaran di Kampung Permatang Nibong, dekat sini, 3 April lalu.

Mansor berkata, kunjungan dibuat bagi pihak Kerajaan Negeri dalam berkongsi kesedihan yang dialami.

Di samping itu menurutnya, bantuan segera turut disampaikan bagi meringankan beban yang ditanggung selepas rumah mereka musnah sama sekali dalam kebakaran tersebut.

"Pada kunjungan hari ini juga, bantuan segera berjumlah RM1,000 diberikan daripada Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (TYT), serta sumbangan peribadi RM500 bagi meringankan beban mereka sekeluarga yang mengalami kerugian akibat dari kebakaran," katanya di sini.

Beliau dalam pada itu berkata, pihaknya



MANSOR Othman (duduk, tengah) bergambar kenang-kenangan bersama para penuntut Malaysia yang menuntut di universiti di Medan baru-baru ini.

turut menawarkan rumah kepada keluarga berkenaan samada di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Thamby Kecil, Butterworth atau PPR Desa Wawasan, Bukit Mertajam. Taruhan tersebut disertakan dengan enam bulan sewa percuma jika mereka mahu mendiami rumah tersebut.

Sementara itu, dalam program berasingan, kira-kira 250 penuntut dari Malaysia membabitkan pelbagai jurusan yang menuntut di universiti-universiti sekitar Medan, Indonesia telah menghadiri Makan Malam & Ramah Mesra khas yang diadakan di Grand Swiss Bell Hotel Medan bersama Mansor baru-baru ini.

Selain Universitas Sumatera Utara (USU), para penuntut yang hadir adalah dari Universitas Negeri Medan (UNIMED), Universitas HKBP Nommensen, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara dan beberapa institusi pendidikan yang lain.

Turut diadakan pada majlis mesra tersebut adalah sesi dialog yang turut membabitkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus sebagai panelis.

Pada penghujung majlis tersebut, Mansor turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM3,000.00 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Persatuan Pelajar Malaysia di Medan.